

# Meracau mabuk dadah pecah

Metro 24/5/12 MS 16

## Warga Nigeria khayal tepi jalan diikat sebelum diserahkan pada polis

>>Oleh Meor Riduwan  
Meor Ahmad

mriduwan@hmetro.com.my

**M**ELAKA: Tindakan berani mati seorang keldai dadah warga Nigeria menelan puluhan kapsul dadah disyaki heroin yang dibalut di dalam kondom untuk diseludup ke negara ini, nyaris meragut nyawanya apabila bahan haram itu dipercayai pecah di dalam perutnya hingga menyebabkan dia meracau teruk di tepi jalan di Melaka Perdana, dekat sini, awal pagi semalam.

Menurut sumber, kelicikan lelaki berusia 33 tahun itu berjaya melepasi pemeriksaan kastam dan kawalan keselamatan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) tidak bertahan lama apabila diberkas polis di negeri ini.

Sumber berkata, sebelum itu suspek bersendirian menaiki teksi dari KLIA dan tiba di Melaka Sentral kira-kira jam 10 malam.

Katanya, ketika hendak membayar tambang, suspek memberitahu pemandu teksi dia tidak mempunyai wang dalam Ringgit Malaysia (RM) dan mahu menukar mata wang asing di Melaka Sentral.

"Bagaimanapun, pengurup wang enggan menerima tukuran mata wang asing sebelum suspek bertindak melarikan diri menyebabkan pemandu teksi membuat la-



**DIIKAT...lelaki dalam keadaan khayal berikat kaki dan tangan selepas kapsul disyaki mengandungi heroin (gambar kecil) pecah dalam perut.**

poran polis di Balai Polis Ayer Keroh untuk tindakan lanjut," kata sumber.

Sumber berkata, kira-kira jam 7 pagi semalam, sepasukan anggota polis dari Balai Polis Ayer Keroh menerima panggilan daripada orang awam yang melihat lelaki terbabit dalam keadaan meracau teruk dan khayal di tepi jalan lalu bertindak menahannya untuk siasatan lanjut.

Kata sumber, suspek meracau teruk dan dalam keadaan khayal dipercayai akibat dadah ditelannya pecah

sehingga terpaksa diikat tangan dan kaki bagi mengelak dia mencederakan orang lain.

"Anggota polis kemudian membawa lelaki terbabit ke balai untuk pemeriksaan lanjut kerana mengesyaki dia menelan dadah.

"Bagaimanapun, suspek tiba-tiba meminum sejenis cecair berwarna yang digunakan dalam pencetakan batik menyebabkan anggota polis terperanjat.

"Lelaki itu kemudiannya dikejarkan ke Hospital Melaka kira-kira jam 8 malam

dan pemeriksaan doktor melalui imbasan X-ray mengesan beberapa kapsul disyaki dadah di dalam perutnya," katanya.

Sumber itu berkata, sehingga jam 3 petang, semalam doktor mengeluarkan 27 kapsul disyaki mengandungi heroin dari perut suspek yang terpaksa dibius.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik negeri, Superintendan Md Azmi Othman ketika dihubungi mengesahkan kejadian berkenaan.